

DIDIK MASYARAKAT BENCI RASUAH



**NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

RASUAH bukanlah suatu isu baharu dalam masyarakat kita. Sudah sekian lama negara ini berhadapan dengan masalah sosial ini yang jelas kelihatan terus berlaku dan berleluasa seolah-olah tiada kesudahannya.

Buktinya, sudah banyak kali kita didedahkan dengan perbuatan penyelewengan dan salah laku yang menjurus kepada suapan dan rasuah membabitkan pelbagai golongan masyarakat. Baik penjawat awam, pekerja swasta dan korporat hinggalah ke orang perseorangan semuanya ada bahagian masing-masing.

Terkini kita dikejutkan dengan penangkapan seorang pegawai kanan kerajaan yang dilaporkan hidup cukup mewah di mana antara lainnya memiliki beberapa buah kereta mewah, dua buah rumah, 40 beg tangan berjenama, barangan kemas, insurans, unit amanah bernilai jutaan ringgit dan kerap berkunjung ke luar negara dengan penerbangan kelas pertama bersama keluarganya yang kosnya kira-kira RM80,000 seorang. Itu hidup mewah yang dikecapi seorang setiausaha bahagian yang menduduki senarai kelapan terpenting dalam sebuah kementerian hasil 'imbuhan' disyaki diterimanya selepas mendalangi sindiket penyelewengan dana kerajaan bernilai lebih RM100 juta.

Sebelum itu kita turut dikejutkan dengan laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kuala Lumpur yang sedang menyalahgunakan lima kes penyelewengan dalam pengurusan perolehan kerajaan melibatkan kerugian lebih RM20 juta yang dilaporkan dalam tempoh 80 hari tahun ini.

Kesemua kes itu melibatkan tuntutan palsu, rasuah serta salah guna kuasa yang dipercayai membabitkan pegawai tinggi kerajaan, swasta dan pertubuhan. Nilai kerugian dalam tempoh tidak sampai tiga bulan itu dilihat meningkat berbanding 114 kes disiasat di Kuala Lumpur pada 2010 hingga 2015 yang mencatatkan nilai kerugian keseluruhan RM31 juta.

Apa yang membuat kita berasa cukup geram, kecewa dan marah apabila didedahkan dana kebajikan

PENGARAH Siasatan SPRM, Datuk Azam Baki menunjukkan hasil rampasan barangan mewah setelah berjaya membongkar satu sindiket penyalahgunaan dana kerajaan dalam sidang akhbar di Putrajaya, baru-baru ini.



yang sepatutnya disalurkan untuk merawat pesakit kronik dan miskin dikatakan lesap apabila ada beberapa individu sanggup menyeleweng dan menyalahguna kuasa yang diamanahkan. Malah dalam satu lagi kes berasingan SPRM Kelantan pula sedang menyalahgunakan 50 individu termasuk seorang berpangkat Datuk bagi memberi keterangan berhubung penyelewengan RM330,000 wang bantuan baik pulih rumah mangsa banjir di Tanah Merah.

Enam kontraktor dan sembilan sub kontraktor sedang disiasat kerana hanya menggunakan sebanyak RM550,000 daripada peruntukan sebanyak RM880,000 untuk membaiki 411 buah rumah mangsa banjir terbabit manakala bakinya dikatakan diserahkan kepada pihak ketiga. Bukankah semua tindak tanduk ini satu bentuk kezaliman terhadap masyarakat dan pengkhianatan terhadap negara?

Menurut Pengarah SPRM Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya antara bentuk penyelewengan yang sering berlaku dalam urusan perolehan kerajaan adalah terima komisen daripada syarikat, bocorkan maklumat syarikat lain kepada syarikat berkepentingan, membuat bayaran projek tidak wujud dan membuat bayaran dua kali ke atas suatu projek manakala antara penyelewengan oleh syarikat pembekal atau penender pula adalah, menyogok pegawai untuk me-

menangi sebut harga/projek/kontrak, meraikan pegawai bagi tujuan melobi projek dan membuat tuntutan penuh sedangkan perbekalan barangan tidak lengkap.

Jelas dalam hal ini penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah berlaku di hampir semua peringkat dan membabitkan semua pihak berkepentingan. Walaupun tangkapan demi tangkapan dibuat oleh pihak berkuasa dan ramai juga yang dijatuhkan hukuman namun hakikatnya rasuah dan penyelewengan tetap berlaku malah boleh dikatakan semakin meningkat. Maka timbul persoalan di mana silapnya dan apa yang tidak kena dengan masyarakat kita?

Apakah ia semakin menjadi-jadi akibat desakan hidup yang menghinipit atau ia sudah menjadi satu amalan biasa dalam kalangan sekelompok masyarakat kita yang sedikitpun tidak rasa bersalah untuk melakukannya. Bagi penulis alasan desakan hidup sama sekali tidak boleh menjustifikasikan perbuatan salah laku seperti ini. Bayangkan apa akan jadi kepada masyarakat andai semua orang menggunakan alasan desakan hidup untuk menerima rasuah mahupun memberi suapan. Ringkasnya masyarakat akan hancur dan rosak selamanya. Maka yang salah tetap bersalah dan kita perlu mencegah budaya matlamat menghalalkan cara.

Justeru kita perlu memberi fokus

kepada punca utama yang sering mendorong rakyat kita terjebak dalam kancah salah guna kuasa ini. Impian untuk hidup mewah dan kaya cepat, tamak untuk merebut sesuatu projek serta adanya ruang dan peluang untuk menyalah guna kuasa mahupun mengambil kesempatan dilihat antara faktor utama yang merosakkan masyarakat kita.

Dalam isu ini di samping tangkap dan menghukum orang yang terbabit sebagai tindakan pembetulan dan pengajaran, apa yang lebih penting adalah penekanan terhadap aspek pencegahan agar ia tidak berulang dan berjangkit pada yang lain. Pencegahan boleh dilakukan melalui didikan ke atas masyarakat agar sentiasa benci rasuah dan salah guna kuasa di mana didikan ini perlu bermula seawal zaman persekolahan lagi.

Hal ini penting kerana ia membabitkan aspek sikap individu di mana sikap dan tingkah laku tidak boleh diubah dalam sekelip mata. Ia perlu dididik, dibentuk dan dipupuk sejak kecil lagi umpama melentur buluh biarlah dari rebungunya. Kita tidak mahu generasi yang akan datang terus hanyut dengan masalah sosial seperti ini yang boleh menghancurkan masa depan diri, keluarga dan juga negara.

Ternyata tangkapan dan hukuman selama ini masih belum mampu menakutkan semua pelaku yang terbabit. Namun kita tetap berharap agar pihak berkuasa terus mempergiatkan usaha penangkapan serta membawa mereka semua ke muka pengadilan. Cuma kita berharap sebagai langkah pencegahan dan juga pendekatan jangka panjang aspek pendidikan turut terus dititikberatkan supaya negara ini dapat melahirkan generasi yang berjiwa kental, kuat budaya integriti dan tidak mudah hanyut dengan pelbagai godaan dan sogokan.

Justeru kita berharap semua pihak dapat memainkan peranan masing-masing agar virus ini dapat dicegah dan diubati dengan baik. Baik ibu bapa, masyarakat, pihak berkuasa mahupun pihak sekolah dan universiti perlu diberi tanggungjawab mengikut skop tugas, tanggungjawab dan kuasa masing-masing agar dapat mendidik anak-anak kita membenci rasuah.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.